

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	12/12/2019	MUKA SURAT	: 52
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Premis proses minyak terpakai haram di Mambau

Disyaki penyumbang pencemaran di Sungai Anak Air Garam

Oleh Hasbi Sidek
bhnews@bh.com.my

Seremban: Tersembunyi kira-kira 300 meter dari jalan besar, sebuah premis di Jalan Kampung Bemban Hilir, Mambau, di sini, dikesan menjalankan operasi pemprosesan minyak terpakai secara haram.

Malah, minyak terpakai dari pada kapal itu dipercayai dibawa masuk secara haram dari negara jiran dengan mengsiharkan-

nya sebagai minyak kenderaan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri yang mendapat maklumat awam, melakukan risikan di lokasi premis kira-kira jam 2 petang semalam, namun tidak dapat mengesan lokasi tepat premis itu, sebelum kehadiran sebuah treler yang membawa muatan minyak terpakai menjadi petunjuk.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Verapan, berkata serbuan di premis berkenaan susulan kes pencemaran Sungai Anak Air Garam akibat sisa minyak terbuang.

“Siasatan di lokasi mengesan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan sebelum pihak JAS mengekori lori berkenaan ke sebuah premis. Pemeriksaan di kilang itu menemui kira-kira 1,000 tan minyak terpakai yang diper-cayai diimport secara haram dari



S Veerapan

negara jiran.

“Hasil siasatan awal mendapati premis ini menjalankan kegiatan pemproses minyak terpakai untuk dijadikan minyak hitam kenderaan. Ia didapati menjalankan perniagaan secara haram tanpa lesen daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan JAS.” katanya ketika ditemui di lokasi

serbuan di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mendapat kilang terbabit tidak mempunyai sistem pembuangan sisa terjadual yang betul dan dipercayai menyebabkan pencemaran ke sungai berdekatan.

Justeru katanya, JAS mengambil 15 sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa manakala pemilik premis akan dipanggil menyiasat mengikut Seksyen 34b Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 selain pemandu lori akan diserahkan kepada polis untuk siasatan lanjut.

“JAS akan terus melakukan siasatan dan mengesan premis lain yang dikesan tidak menguruskan sisa buangan terjadual dengan betul sehingga menyebabkan pencemaran di sungai dan memberi amaran kepada pemilik supaya lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar,” katanya.